



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **TINJAUAN TERHADAP ITEM UJIAN OBJEKTIF ANEKA PILIHAN DALAM KERTAS PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU TINGKATAN 2**

**PATRONILLA ANG BAN TEE  
NO. PEND. 981-00564**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANAMUDA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau aras item soalan objektif aneka pilihan dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu Tingkatan 2. Kajian ini telah dilakukan di sebuah sekolah di daerah Tg. Malim. Sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist. Dalam kajian ini seramai 36 orang pelajar Tingkatan 2 telah dipilih secara rawak sebagai responden. Fokus utama kajian ini adalah terhadap item yang digubal oleh guru dengan item yang digubal oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia bertujuan untuk melihat sama ada guru mematuhi prosedur yang betul semasa menggubal item soalan berdasarkan piawai yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Untuk melihat permasalahan ini, pengkaji menggunakan soal selidik kepada guru dan ujian kepada responden. Kesemua responden diberi ujian yang sama pada masa yang sama. Melalui dapatan ini, kita dapat melihat bahawa guru tidak mematuhi prosedur penggubalan soalan di samping aras item yang tidak bertepatan dengan piawai yang telah ditetapkan. Selain itu, kita juga akan melihat indeks kesukaran dan indeks diskriminasi item serta ketekalan ujian. Oleh itu, masalah ini tidak harus dipandang ringan dan guru-guru haruslah lebih peka kepada ketekalan ujian yang mereka bina supaya ia menguji apa yang sepatutnya diuji dengan aras yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan pelajar. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat digunakan sebagai langkah permulaan untuk mengkaji bidang ini secara lebih mendalam agar langkah-langkah serta inisiatif boleh diambil. Harapan pengkaji agar kajian ini dapat digunakan sebagai panduan oleh guru-guru dalam usaha menggubal item soalan yang lebih tekal dan berkualiti.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRACT

This study is done to find out the level of Bahasa Melayu Multiple Choice Questions that is found in Form Two examination paper. The study is carried out in one of the schools in Tanjung Malim district, and the selected school is SMK Methodist. The respondents comprises of 36 students of Form Two class who are picked at random. The main focus of the study is to compare between the item produce by the subject teacher and the item provided by the Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. It is done to find out if the teacher refers to the procedure that has been fixed by the Education Department. In order to know the procedure of the setting of the questions, the researcher carried an investigation using questionnaires for the teacher and giving test to the students. All the respondents are given the same test at the same hour. Based on the research findings, it indicates that the teacher is not following the procedure and the level of the item is not to the expected standard. On the other hand, index of difficulties as well as discrimination and consistency of the items are also observed. Therefore, the teacher should put more considerations on the consistency of the test item so that it can test on what should be tested according to the level of the student knowledge. Thus, it is hope that this study can be used as an initial step before a more detail research is done so that an initiative step can be taken. The researcher is hoping that this study can be used as a reference for the teachers to set the consistent and quality question items.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI CARTA	ix
BAB I            PENGENALAN	1
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Pernyataan Masalah	8
1.3    Tujuan Kajian	11
1.4    Soalan Kajian	12
1.5    Kepentingan Kajian	12
1.6    Batasan Kajian	13
1.7    Definisi Operasional	14
1.8    Penutup	18
BAB II          TINJAUAN LITERATUR	19
2.1    Pengenalan	19
2.2    Literatur Kajian	19
2.3    Kajian Berkaitan	57
2.3.1    Kajian Luar Negeri	57
2.3.1.1    Kajian Ke Atas Format Ujian	57
2.3.1.2    Kajian Mengenai Item Soalan Aneka Pilihan	68
2.3.2    Kajian Dalam Negeri	75



BAB III	KAEDAH KAJIAN	77
3.1	Reka Bentuk Kajian	78
3.2	Populasi dan Sampel kajian	78
3.3	Alat Kajian	79
3.4	Pengumpulan Data	79
3.5	Prosedur Penganalisisan Data	80
BAB IV	KEPUTUSAN KAJIAN	82
4.1	Perihal Sampel	83
4.2	Analisis Data	83
BAB V	RUMUSAN	104
5.1	Kesimpulan	104
5.2	Perbincangan	106
5.3	Cadangan Kajian Lanjut	113

## RUJUKAN

LAMPIRAN SURAT KEBENARAN PENYELIDIKAN



LAMPIRAN SOAL SELIDIK

LAMPIRAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

LAMPIRAN KERTAS SOALAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 1999





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Nama Jadual	Halaman
1	Peratus Pembahagian Aras Item Soalan Bagi Kertas Objektif Aneka Pilihan Bahasa Melayu PMR Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	84
2	Peratus Pembahagian Aras Item Soalan Bagi Kertas Objektif Aneka Pilihan Tingkatan 2	84
3	Perbandingan Aras Item soalan Binaan Guru Dan Kementerian Pendidikan Malaysia	85
4	Persamaan Aras Dan Soalan Item Binaan Guru Dan Kementerian Pendidikan Malaysia	87
5	Aras Item Soalan Binaan Guru	88
6	Peratusan Prosedur Yang Dipatuhi Dan Tidak Dipatuhi Oleh Guru	90
7	Jumlah Responden Yang Dapat Menjawab Setiap Item Dengan Betul.	91
8	Aras Kesukaran Bagi Setiap Butir Item	92
9	Bilangan Soalan Dan Peratusan Aras Kesukaran Bagi Setiap Item	94
10	Indeks Diskriminasi Bagi Setiap Butir Item	96
11	Peratusan Indeks Diskriminasi Item	98
12	Min Bagi Soalan Bernombor Ganjil	99
13	Min Bagi Soalan Bernombor Genap	101
14	Perbandingan Min Bagi Soalan Bernombor Ganjil, Genap Dan Min Keseluruhan	102





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun,  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI CARTA

No. Carta	Nama Carta	Halaman
1	Aras Item Soalan Binaan Guru	88
2	Peratusan Pemberatan Aras Kesukaran Item	95
3	Peratusan Indeks Diskriminasi Bagi Item Ujian	99



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
**IX**  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) tidak akan berkeadaan sempurna sekiranya tidak dilakukan proses penilaian terhadapnya. Kenyataan ini diutarakan atas alasan bahawa proses P&P dengan penilaian mempunyai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain. Berbagai-bagai kaedah dan aktiviti telah digunakan untuk menilai proses ini. Satu kaedah yang paling kerap digunakan ialah dengan mengadakan ujian dan peperiksaan bertulis.

Steven J. Osterlind (1989), mendefinisikan ujian sebagai:

‘....is a unit of measurement with the stimulus and a prescriptive form for answering; and, it is intended to yield a response from an examinee from which performance in some psychological construct.’



Ujian dan alat penilaian lain mempunyai pelbagai kegunaan di sekolah. Ujian boleh digunakan sebagai penggerak, iaitu merangsang pelajar belajar dengan lebih tekun, mengesan punca kelemahan, meramal kejayaan pelajar dan sebagainya. Setiap ujian atau alat penilaian lain seharusnya dapat membantu pelajar membina sikap positif terhadap P&P. Pengujian di dalam bilik darjah sama ada formal atau tidak formal ialah satu bentuk komunikasi dan interaksi sosial antara guru dan muridnya. Melalui ujian ini guru akan mendapat maklumat yang diperlukan daripada pelajarnya. Seperti kata Ibid:

“Testing is a technique for obtaining information.....It is a tool that serves the end of the user.”

Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar (1985),



Dalam suatu ujian yang diadakan, bentuk soalan yang selalu disediakan oleh seorang guru dan dikemukakan kepada pelajar ialah berbentuk soalan objektif. Dengan mengemukakan soalan berbentuk objektif guru berpeluang mengemukakan banyak soalan yang mana ini akan membolehkannya menilai pelbagai aspek yang mencakupi keseluruhan isi P&P yang telah diajar. Pada asasnya, kesemua ujian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat. Daripada maklumat yang diperolehi itu akan digunakan oleh guru untuk mengukur pencapaian murid, mengetahui kelemahan-kelemahannya, meramal keupayaannya, memilihnya untuk sesuatu tujuan, atau sebagainya.





Melalui item-item dalam ujian objektif, pengetahuan yang spesifik dapat disoal dan diuji. Ini bermakna ujian objektif boleh menguji skop pengajaran yang lebih luas dalam sesuatu masa tertentu. Misalnya, dalam satu jam tempoh ujian, guru boleh membina 40 hingga 50 item objektif yang boleh mencakupi banyak tajuk. Oleh kerana itu, ujian objektif biasa digunakan dalam ujian sumatif, kerana banyak tajuk atau topik yang boleh dan perlu disoal. Ini kerana skop pengajaran dan pembelajaran yang telah diajar adalah luas. Contohnya ujian sumatif ini ialah ujian hujung penggal, pertengahan tahun atau hujung tahun. Rasionalnya ujian objektif ini bagi peperiksaan atau penilaian tersebut ialah tajuk dan skop yang banyak boleh disoal berbanding ujian esei yang hanya mencakupi beberapa tajuk tertentu sahaja.

Ramai pengkaji penilaian dan penggunaan dalam bidang pendidikan seperti Cronbach (1950), Furst (1959), Ebel (1972) dan beberapa pengkaji lagi, menyetujui penggunaan ujian berbentuk objektif di dalam bilik darjah, terutama sekali bagi ujian kemajuan pencapaian. Bagaimanapun, pemilihan bentuk ujian yang hendak digunakan, sebagaimana dinyatakan pada awal tadi bergantung kepada kebijaksanaan guru sendiri. Gronlund (1976), menyatakan:

“Setiap jenis ujian itu mempunyai sifat-sifat yang tersendiri, penggunaan, kelebihan, hadnya dan juga peraturan penubuhannya.....”

Bagaimanapun, Wood (1960) dalam bukunya Test Construction, mengingatkan bahawa ujian objektif yang lemah akan menghasilkan keputusan yang kurang sah dan ujian





objektif yang baik akan memberikan hasil yang lebih sah. Menurutnya, kesahan ujian objektif adalah lebih terjamin kerana pemerkahan dilakukan secara objektif dan dengan itu ia lebih dipercayai.

Walaupun soalan objektif ini mempunyai bentuk yang berlainan, namun pada umumnya ia mempunyai dua bahagian asas iaitu bahagian pokok atau asas soalan (stem) dan bahagian respon yang mengandungi jawapan (answer) dan penganggu (distractor). Bahagian pokok soalan objektif ini merupakan satu pernyataan yang tidak lengkap atau soalan pendahuluan. Ia merupakan asas soalan tersebut. Manakala, bahagian respon terdiri daripada satu atau lebih pernyataan yang berkait rapat dengan bahagian pokok. Salah satu daripada respon ini merupakan jawapan yang paling tepat (key) kepada soalan tersebut.



Memandangkan kepada faktor bahawa sesuatu item soalan objektif boleh dibina dengan berbagai-bagi cara, maka ia boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Salah satu ujian objektif yang paling banyak digubal ialah aneka pilihan. Ujian jenis ini amat digemari di kalangan guru daripada jenis ujian objektif yang lain. Walaupun ia amat sulit ditubuhkan tetapi ia amat mudah diberi markah dan ditadbirkan. Dalam menubuhkan ujian jenis ini, jumlah yang biasa digunakan untuk pilihan adalah lima. Bagaimanapun, ada yang mengesyorkan enam atau tujuh untuk mengelakkan unsur tekaan, tetapi dengan kesukaaran yang dihadapi dalam menubuhkan pilihan-pilihan yang berkesan, maka jumlah yang lebih daripada lima kurang digalakkan.





Bagi bilik darjah, empat pilihan jawapan adalah lebih sesuai dan mudah bagi guru menubuhkan pilihan-pilihan yang berkesan. Berbagai-bagai kajian telah dijalankan untuk melihat keberkesanan jumlah pilihan yang digunakan untuk ujian jenis ini dan telah didapati bahawa tidak ada perbezaan dari segi kebolehpercayaan antara lima pilihan atau lebih ataupun empat pilihan. Namun bagi guru, penting baginya untuk memilih pilihan-pilihan yang berkesan, dan dengan itu jumlah yang lebih kecil lebih sesuai. Dengan jumlah yang lebih kecil guru dapat memilih dan meneliti pilihan-pilihan yang digunakannya dengan serapi-rapi yang mungkin agar dapat menjalankan tugas-tugas yang diharapkan dengan lebih berkesan.

Bagi Ebel (1957), ujian ini tidak hanya terhad kepada pengukuran hasil-hasil pembelajaran yang mudah, tetapi ujian aneka pilihan juga dapat mengukur pada peringkat pengetahuan dan kefahaman yang lebih kompleks. Dengan itu, ia banyak digunakan dalam ujian-ujian pencapaian. Ebel juga berpendapat bahawa item ujian objektif aneka pilihan, secara relatifnya mempunyai kebolehan yang agak tinggi untuk mendiskriminasikan pelajar-pelajar yang baik dengan pelajar-pelajar yang lemah. Jadi, item-item ujian ini boleh memainkan peranan yang berguna dalam pengukuran pencapaian pelajar di dalam bilik darjah.

Keputusan yang didapati hasil daripada ujian boleh diinterpretasikan dengan pelbagai tujuan. Secara amnya, guru-guru menganggap tujuan ujian yang dijalankan di sekolah-sekolah hanyalah semata-mata bagi memenuhi kehendak pentadbiran sama ada pentadbiran sekolah, daerah atau negeri yang hanya bersifat memberi markat atau pangkat.





Lebih daripada itu, keputusan atau markat dan pangkat pelajar sewajarnya ditafsir dan dianalisis menggunakan asas-asas statistik supaya ia dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat tentang pencapaian pelajar.

Walau bagaimanapun, satu perkara yang sangat penting adalah maklumat yang dianalisis itu tentunya dapat membantu usaha guru dalam meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan item soalan tersebut. Kaedah statistik dalam pendidikan telah dijadikan asas dan diaplikasikan untuk tujuan penilaian dalam proses P&P. Analisis statistik markat pelajar selepas keputusan ujian dapat menjelaskan pelbagai perkara.

Azman Wan Chik (1982) menyatakan analisis keputusan ujian akan memberi gambaran menyeluruh prestasi pelajar dalam ujian tersebut. Ini akan dapat menerangkan tentang pencapaian markat yang tertinggi dengan yang terendah. Ia akan menunjukkan secara kasar sejauh mana kemampuan ujian itu menunjukkan perbezaan antara pencapaian pelajar.

Pada asasnya ujian ini memainkan peranan yang penting dalam P&P. Sama ada ujian objektif atau subjektif ia masih mempunyai tujuan yang sama dalam P&P. Kebaikan ujian ini akan diperolehi oleh pihak guru dan juga pelajar. Ujian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan kedua-dua pihak dalam proses P&P yang telah berlaku. Bagi pihak guru, sudah tentu guru ingin tahu tentang keberkesanannya mengajar sesuatu kemahiran bahasa, iaitu aspek kemahiran yang telah dapat diajar dan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

dikuasai oleh pelajar dengan jayanya, dan aspek-aspek yang masih lemah dan memerlukan tumpuan dalam pengajaran yang akan datang.

Hasil daripada ujian ini akan memberikan maklum balas atau bukti yang jelas kepada guru tentang kejayaan dan kelemahan pelajarnya, sambil menilai keberkesanannya mengajar sesuatu kemahiran. Seterusnya hasil penilaian tersebut akan digunakan oleh guru bagi menentukan arah dan penekanan P&P pada masa yang akan datang. Berdasarkan maklum balas daripada ujian tersebut, guru seharusnya dapat membuat keputusan tentang aspek kemahiran yang telah dipelajari, atau yang perlu diajar lagi atau perlu diberi latihan tambahan.

Sememangnya jikalau dilihat peranan ujian ini semata-mata dari sudut P&P di dalam bilik darjah, faedahnya adalah nyata kepada guru dan pelajar. Selain kepentingan pedagogi dan pembelajaran bilik darjah yang sebahagian besarnya adalah pengujian dan penilaian bercorak formatif yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat untuk membentuk dan membaiki sesuatu kemahiran bahasa dikalangan pelajar. Ada kalanya ujian itu juga bercorak pengujian dan penilaian sumatif atau menyeluruh dan dilakukan dengan berbagai-bagai tujuan sama ada di peringkat sekolah, mакtab atau universiti. Justeru itu, apapun jenis ujian sama ada objektif atau subjektif, item-item yang dibina hendaklah berasaskan perkara atau topik sukatan pelajaran yang telah diajar oleh guru bagi satu jangka masa tertentu. Guru haruslah mahir dalam membina item ujian ini supaya dapat meningkatkan keberkesanan P&P.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi



## 1.2 Pernyataan Masalah

Tinjauan rambang mendapati ada guru yang memandang aspek pengujian dan penilaian sebagai elemen yang tidak penting dalam P&P. Lantaran itu aspek pembinaan item terus dikesampingkan. Guru memilih jalan yang paling mudah dan tidak memakan masa semasa membina item soalan. Maksudnya guru membina ujian tanpa menentukan objektif atau tujuan ujian tersebut. Kesannya soalan yang dikemukakan tidak berfungsi sebagai alat ujian yang berkesan. Soalan gagal mendiskriminasikan pelajar. Markat pelajar dibiarkan tanpa tindakan susulan. Ini bermakna guru tidak mengambil sebarang inisiatif terhadap markat pelajar sedangkan berdasarkan markat itu guru sebenarnya sudah mendapat gambaran tentang keberkesaan pengajarannya. Tindakan susulan ini perlu untuk diambil oleh guru kerana markat pelajar itu akan dapat membantu guru untuk menilai semula keberkesaan pengajarannya di samping mengenal pasti kelemahan pelajar bagi tajuk atau topik tertentu yang telah dipalajari. Ini akan memudahkan guru sama ada mengulang semula tajuk yang tidak dapat dikuasai sepenuhnya oleh pelajar atau memberikan latihan pengukuhan.

Namun apa yang biasa berlaku ialah pengajaran diteruskan hanya untuk menghabiskan sukanan pelajaran. Pelbagai masalah telah dikesan dalam proses penggubalan item soalan. Antara lain masalah yang sering ditimbulkan adalah seperti berikut.

Di dalam modul 5: Pembinaan dan Pentadbiran Ujian oleh Lim Soo Kheng menyatakan dalam ruangan pendahuluan;





“Pembinaan ujian bilik darjah adalah satu perkara yang biasa dijalankan oleh guru. Malangnya didapati sesetengah guru tidak bersikap serius menjalankan tanggungjawab untuk membentuk ujian. Seringkali mereka menangguhkan persediaan membina ujian hingga ke saat-saat akhir. Amalan ini patut dielakkan. Akibat daripada itu, mereka menyediakan ujian terlalu pendek. Ujian seperti ini tentu tidak boleh mengumpul secukup-cukupnya semua bidang kemahiran atau isi pelajaran yang diukur. Selain daripada itu, sesetengah ujian mungkin terlalu menitikberatkan butir-butir yang kurang penting sehingga mengabaikan kemahiran pelajar memahami prinsip-prinsip asas dan kebolehan mengamalkan prinsip-prinsip tersebut.”

Hoffmann (1962) dan Black (1963) telah mengkritik format ujian objektif aneka pilihan ini kerana ia tidak dapat mengukur kreativiti dan motivasi. Goslin (1966) pula mengatakan bahawa markat-markat ujian aneka pilihan jawapan dipengaruhi oleh pengambil-pengambil ujian meneka jawapan apabila mereka tidak begitu yakin akan jawapan yang betul bagi satu-satu item itu.



Kebolehpercayaan ujian juga sering diragukan. Banyak ujian-ujian yang dibina oleh guru dikatakan tidak mempunyai kebolehpercayaan. Menurut Sulaiman Ngah Razali (1997), ramai guru yang menganggap bahawa pembinaan item ujian ini adalah satu kerja yang mudah hingga ramai yang membina item soalan yang terlalu mudah ataupun terlalu sukar. Item yang mudah ini dengan senangnya boleh dijawab oleh pelajar yang cerdas dan lemah namun jika item itu terlalu sukar kedua-dua golongan ini juga tidak boleh menjawabnya dengan baik. Ini sudah tentu tidak dapat mendiskriminasikan pelajar dan sekaligus item ini dikatakan tidak mempunyai kebolehpercayaan.

Kebolehpercayaan ujian merujuk kepada ketekalan ujian. Sekiranya seseorang calon mendapat markah sebanyak 70 % di dalam satu ujian pada hari pertama dan juga mendapat





markah yang sama atau hampir sama tiga hari kemudian atau selepas seminggu, maka ujian itu dikatakan mempunyai sifat kebolehpercayaan. Menurut Ee Ah Meng (1990), adalah amat sukar untuk membentuk satu ujian yang mempunyai kebolehpercayaan yang amat tinggi. Ini kerana pencapaian calon dalam sesuatu peperiksaan pada hari pertama mungkin berbeza pada hari kedua atau ketiga. Beberapa faktor seperti keadaan emosi calon, keadaan intelek dan tenaganya berbeza dari semasa ke semasa. Di samping itu, keobjektifan dan ketekalan pemeriksa juga berbeza dan akan mempengaruhi markat calon sekiranya ujian itu mengandungi soalan esei.

Oleh yang demikian, ada guru yang tidak merancang pembinaan item soalan dengan baik, sebaliknya mengambil jalan mudah dengan cara membina item secara sewenang-wenang bagi dirinya yang membawa kesan negatif kepada para pelajar. Kesannya, pelajar tidak akan dapat mengetahui sejauh mana pemahaman mereka ke atas sesuatu tajuk jika item ujian tidak menguji topik-topik yang telah mereka pelajari. Bagi ujian bahasa ini, kesesuaian item dari segi peringkat kesukaran bahan dan relevannya dengan pelajar menjadi pertimbangan penting kapada guru.

Ujian objektif ini juga dikatakan tidak dapat mengukur proses pemikiran yang tinggi. Menurut Mokhtar Ismail (1995), dalam banyak situasi, guru hanya membina butiran yang berasaskan aras pengetahuan sahaja dalam aras Taksonomi Bloom. Ini kerana baginya adalah mustahak pengetahuan pelajar diuji sebagai sebahagian daripada penilaian pembelajaran pelajar. Oleh itu, kajian ini akan meninjau sama ada aras item soalan yang





dibina oleh guru hanya pada aras pengetahuan sahaja atau ada juga aras item soalan yang lain seperti kefahaman atau penggunaan.

Kesilapan dalam pembinaan item soalan di kalangan guru-guru mungkin sekali disebabkan kurangnya kemahiran dalam membina item ujian ini. Justeru itu, wajar sekali fenomena ini diketengahkan supaya langkah positif dapat diambil dan seterusnya memberikan pendedahan yang secukupnya kepada guru-guru dalam bidang pengujian dan penilaian.

### 1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:



- i) Melihat sama ada aras item ujian dibina berdasarkan piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau sebaliknya.
- ii) Melihat aras item yang paling kerap digunakan oleh guru.
- iii) Melihat prosedur yang digunakan oleh guru dalam membina item ujian objektif aneka pilihan.
- iv) Melihat indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi setiap item ujian binaan guru.
- v) Melihat sama ada item ujian mempunyai ciri kesahan dan kebolehpercayaan.





## 1.4 Soalan Kajian

Kajian ini mengutarkan beberapa persoalan iaitu:

- i) Adakah aras item ujian yang dibina oleh guru ini berdasarkan piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?
- ii) Apakah aras soalan objektif aneka pilihan yang paling kerap digunakan oleh guru?
- iii) Sejauh manakah guru mematuhi prosedur yang ditetapkan semasa membina item ujian objektif aneka pilihan?
- iv) Apakah indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi setiap item?
- v) Adakah tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item ujian objektif aneka pilihan itu tinggi?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, beberapa kesilapan dapat dilihat dalam proses penyediaan item soalan di kalangan guru-guru. Kajian ini antara lain bertujuan membandingkan item ujian binaan guru dengan piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap soalan objektif aneka Bahasa Melayu PMR.

Kepentingan kajian ini ialah:





- i) Supaya guru boleh membina item soalan berdasarkan piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii) Supaya guru boleh membina item soalan yang mempunyai ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.
- iii) Supaya guru boleh membina ujian berdasarkan prosedur yang betul untuk menjamin ketekalan ujian. Secara rasionalnya bahawa pengalaman yang banyak diharapkan dapat membantu guru mematuhi prosedur yang lebih baik dan berkesan.
- iv) Supaya guru dapat mewujudkan bank soalan Bahasa Melayu.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini cuba mengetengahkan hal ehwal pembinaan item soalan objektif aneka pilihan Bahasa Melayu Tingkatan 2. Aspek yang menjadi penekanan dalam kajian uini ialah:

- Prosedur yang digunakan dalam membina item soalan objektif aneka pilihan Bahasa Melayu Tingkatan 2.
- Aras item soalan yang dibina oleh guru sama ada mengikut piawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia atau sebaliknya.
- Tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item ujian ini.





Kajian ini akan dijalankan di SMK Methodist, Tanjung Malim. Pangkhususannya terhadap 1 set soalan objektif aneka pilihan Bahasa Melayu Tingkatan 2 yang dibina oleh guru bagi peperiksaan akhir tahun 2000. Soalan ini mengandungi 60 soalan objektif aneka pilihan. Set soalan ini akan dianalisis aras taksonominya berdasarkan domain kognitif Taksonomi Bloom. 1 set soalan sebenar PMR (1999) yang mengandungi 60 soalan objektif aneka pilihan juga akan dianalisis untuk melihat sama ada item-item soalan objektif aneka pilihan yang dibina oleh guru bersesuaian dengan piawai yang ditetapkan dalam set soalan sebenar PMR ini. Seorang responden iaitu guru yang membina item soalan ini akan diberikan soal selidik berkenaan dengan prosedur yang digunakan dalam membina item soalan tersebut. Rasional pemilihan hanya seorang guru ialah untuk melihat sama ada guru mematuhi prosedur pembinaan ujian semasa membina item ujian yang menjadi sampel kajian.



## 1.7 Definisi Operasional

### 1.7.1 Soalan Objektif Aneka Pilihan

J. N. Hook (1958)

‘Multiple choice is the one in which several possible answers are supplied for each question. Typically, of the four or five answers usually suggested, one or two will be downright absurd or impossible, one will seem not very farfetched, and the final choice will have to be made between two answers both of which will appear to have some elements of rightness.’’





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### Dr. Abdul Fatah Abdul Malek (1985)

‘Terdiri dari satu ‘stem’ yang membentangkan masalah dan beberapa alternatif yang boleh digunakan untuk menjawab menyelesaikan masalah itu. ‘Stem’ itu boleh berbentuk satu soalan atau satu pernyataan yang tidak lengkap. Alternatif-alternatif itu terdiri dari satu jawapan betul dan beberapa jawapan salah yang dipanggil penganggu’

### Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng, dan Ismail Abu Bakar (1985)

‘Sesuatu ujian boleh dianggap sebagai objektif apabila pilihan jawapan bagi tiap-tiap satu item diberi hanya satu daripada pilihan jawapan itu dipilih sebagai jawapan yang betul.’

### Dr. Salihan bin Siais (1987)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

‘Soalan yang jawapannya boleh diperiksa atau ditanda sama ada ia salah atau betul dengan cara objektif. Ia tidak memerlukan pertimbangan subjektif. Kedua-dua soalan dan jawapannya disediakan di atas kertas yang dikemukakan.’

Secara ringkasnya, ujian objektif aneka pilihan bolehlah diertikan sebagai item ujian yang mempunyai beberapa pilihan jawapan dan hanya satu di antara jawapan-jawapan itu yang betul.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



### 1.7.2 Aras Soalan Objektif

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ke-3, Aras bermaksud paras, takat, atau tingkat. Ini bermakna aras soalan objektif bolehlah diertikan sebagai paras, takat atau tatatingkat bagi satu-satu item objektif. Ini berkaitan dengan senang, susah atau kompleksnya item soalan. Kajian ini akan menggunakan Taksonomi Bloom sebagai panduan penentuan aras.

### 1.7.3 Kertas Peperiksaan

Berdasarkan Kamus Dewan, kertas bermaksud sejenis bahan dalam bentuk helaian nipis yang dibuat daripada kayu dan lain-lain yang padanya sesuatu ditulis, dicetak, dilukis dan sebagainya. Manakala, peperiksaan bermaksud ujian untuk menentukan kebolehan atau kepandaian seseorang. Secara ringkasnya kertas peperiksaan bermaksud bahan bercetak yang digunakan dalam sesuatu ujian.

### 1.7.4 Bahasa Melayu

St Takdir Alisjahbana

‘Bahasa yang dapat menjadi alat pemikiran dan pergaulan masyarakat dan kebudayaan moden. Maksudnya bahasa Melayu harus dapat menjadi bahasa ilmu, bahasa teknologi dan bahasa ekonomi.’





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berdasarkan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar Bahasa dalam Masyarakat, anjuran Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sarawak, dan Persatuan Linguistik Malaysia, di Sibu Sarawak pada 13 dan 14 Disember 1988. Terbit dalam Dewan Bahasa, Ogos 1989.

- i) Bahasa yang menjadi anggota rumpun bahasa Austronesia.
- ii) Bahasa yang sejak abad pertama Masihi telah menjadi bahasa kerajaan di Kepulauan Melayu.
- iii) Bahasa yang menjadi sarana semua sektor penting tamadun (pentadbiran, perhubungan diplomatik, perdagangan, undang-undang, ilmu dan pemikiran, kesusasteraan dan ketatanegaraan) di Alam Melayu dari abad ke-12.
- iv) Bahasa yang menjadi bahasa kebangsaan empat buah negara berdaulat, iaitu **Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.**
- v) Bahasa yang disebut dalam dokumen perundangan negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Rumusannya, bahasa Melayu boleh diertikan sebagai mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



### 1.7.4 Tingkatan 2

Dalam Kamus Dewan, tingkatan bermaksud tingkat, kelas, peringkat, perenggan dan takat. Justeru itu, Tingkatan 2 boleh diertikan sebagai kelas atau peringkat 2 yang akan menduduki peperiksaan PMR pada tahun berikutnya.

### 1.8 Penutup

Ujian merupakan salah satu aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat membimbing pelajar ke arah pemikiran yang lebih luas. Item ujian yang mencabar akan membantu pelajar menajamkan lagi pemikiran dan juga membantu pelajar mencari maklumat melalui perbincangan dan pembacaan yang luas. Justeru itu, guru atau pembina ujian seharusnya memberikan perhatian yang serius kepada aspek pembinaan item ujian ini dan memanfaatkan penggunaannya untuk mewujudkan susunan P&P yang lebih menarik dan berkesan.

Satu perkara yang sangat penting yang perlu diketahui oleh bakal pembina item ujian objektif ialah mengetahui dan memahami akan konsep dan prosedur bagaimana item ini dapat disediakan dengan baik, sempurna dan bermutu serta dapat memenuhi kehendak proses sesuatu penilaian satu proses P&P.

